



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-37/2/5 JLD 7 (18)
Tarikh : 14 April 2020

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Dato' Indera / Datin / Tuan / Puan,

PENGUKUHAN PENGURUSAN ANGGOTA KESIHATAN DALAM COVID-19 PANDEMIK DI HOSPITAL, INSTITUSI PERUBATAN DAN FASILITI KESIHATAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa prihatin terhadap keselamatan, kesihatan dan kebajikan anggota KKM yang sentiasa berhadapan dengan risiko jangkitan COVID-19 dalam memberikan perkhidmatan kepada pesakit.
3. Buat masa ini, memang ada anggota kesihatan di hospital, institusi perubatan dan fasiliti kesihatan KKM yang dikesan positif COVID-19. Berdasarkan siasatan, punca jangkitan bagi kesemua kes ini **bukan** disebabkan oleh pengendalian kes positif di wad COVID-19. Didapati majoriti punca jangkitan adalah disebabkan oleh *community acquired* (jangkitan dari luar seperti menghadiri majlis perkahwinan dan lawatan ke luar negara). Setelah itu, mereka menjangkiti pula rakan atau anggota sejawat. Selain itu, terdapat juga jangkitan daripada pesakit *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) dan *Influenza Like Illness* (ILI) yang awalnya tidak disyaki menghidapi COVID-19.
4. Jangkitan rakan atau anggota sejawat (staff to staff transmission) boleh berlaku disebabkan perkara berikut:
 - 4.1. Kurangnya pengawasan terhadap anggota kesihatan daripada segi pematuhan kepada penjarakan sosial dan fizikal, *Personal Protective Equipment* (PPE) yang bersesuaian misalnya 3-ply mask dan pematuhan kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan.
 - 4.2. Anggota kesihatan tidak mengamalkan penjarakan sosial dan fizikal misalnya di pantri, surau, bilik persalinan, mesyuarat dan lain-lain.

5. Sehubungan itu, perkara berikut perlu dilaksanakan di peringkat hospital, institusi perubatan dan fasiliti kesihatan bagi memantapkan lagi pengurusan anggota kesihatan yang terdedah kepada COVID-19 :

5.1. Penglibatan **peranan pakar-pakar selain Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit** dalam pengendalian dan kawalan penyakit COVID-19 di hospital.

5.1.1. Susulan surat Pejabat ini mengenai Garis Panduan Penyusunan Semula dan Mobilisasi Pakar Pelbagai Disiplin Kepakaran dan Sub-Kepakaran, Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih, Penolong Pegawai Perubatan dan Profesional Sains Bersekutu Dalam Pengurusan Wabak COVID-19 di Pusat Kuarantin dan Hospital Rawatan COVID-19 KKM, rujukan KKM.600.2-27/12/7 (16) Jld 4 bertarikh 4 April 2020, pakar-pakar yang bersesuaian perlu membantu dalam pengendalian pesakit COVID-19 di hospital tempat bertugas misalnya sebagai:

- i. Pegawai perantara (Liason Officer) *Occupational Safety & Health (OSH)*. Rujuk **Lampiran 1**.
- ii. Pegawai Pemantau Pencegahan COVID-19 bagi memastikan aktiviti pencegahan dapat dilaksanakan.

5.2. Semua anggota kesihatan yang mengendalikan kes-kes SARI, pneumonia dan ILI perlu mengambil langkah berjaga-jaga kerana berkemungkinan pesakit-pesakit ini adalah pesakit COVID-19. Rujuk slaid Pengendalian Kes Severe Acute Respiratory Infection (SARI)/Pneumonia/ Influenza Like Illness (ILI) yang telah dikemaskini pada 13 April 2020 seperti di **Lampiran 2**.

5.3 **Pengawasan** anggota kesihatan di fasiliti kesihatan perlu diperketatkan melalui pemantauan oleh pegawai kanan seperti Pengarah Hospital, pakar-pakar, penyelia dan sebagainya. Pengawasan ini penting bagi memastikan **penjarakan sosial dan fizikal** yang mandatori serta pematuhan kepada PPE.

5.4 Anggota kesihatan diminta untuk membuat pemeriksaan awal sekiranya mereka mempunyai gejala. Pada amnya, dua sampel swab perlu diambil daripada anggota di mana sampel kedua diambil 48 jam daripada sampel pertama. Semua sampel anggota perlu dilakukan penandaan (tagging) "Urgent:HCW" sebelum dihantar ke makmal dan perlu di semak keputusannya dengan segera. Rujuk Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020: Annex 21: *Management of HCW During COVID-19 Outbreak* dan surat Keutamaan Pengurusan COVID-19 Pandemik Dalam Kalangan Petugas Kesihatan (Frontliners) di KKM, rujukan KKM.600-37/1/3 Jld 5 (68) bertarikh 30 Mac 2020.


5.5. Anggota yang telah dikategori sebagai kontak perlu dikuarantin sama ada di rumah atau ditempatkan di pusat kuarantin yang telah dikenalpasti oleh pihak hospital / negeri masing-masing (sekiranya mereka risau jangkitan boleh berlaku kepada ahli keluarga). Mereka boleh kembali bekerja setelah swab negatif kali ke-2 berturut-turut. Namun, jika ada keperluan mendesak untuk bekerja disebabkan kekurangan sumber di fasiliti, anggota yang swab pertama negatif masih boleh bertugas semasa menunggu keputusan ujian swab ke-2 tetapi dengan menggunakan PPE dan mengamalkan semua langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya serta menjalani pemantauan simptom. Rujuk Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020: Annex 21: *Management of HCW During COVID-19 Outbreak* di portal KKM dan slaid *Strategies to Facilitate Continuity of Health Services During COVID-19 Pandemic* bertarikh 5 April 2020 (**Lampiran 3**).

6. Sehubungan itu, dipohon kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Dato' Indera / Datin / Tuan / Puan mengenai perkara ini bagi mencegah penularan COVID-19 dalam kalangan anggota KKM.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya Yang Menjalankan Amanah


(DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

- s.k: Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Perkembangan Kesihatan Awam
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kawalan Penyakit
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Perancang
Bahagian Perancangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Amalan Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kejururawatan
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Semua Ketua Perkhidmatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN:

1. Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Semua Pengarah Institusi Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Semua Pegawai Kesihatan Daerah
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, MAEPS

TERMA RUJUKAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR/ PEGAWAI PERUBATAN YANG TIDAK MENGENDALIKAN KES COVID-19 YANG MEMBANTU DALAM ASPEK KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN DI HOSPITAL, INSTITUSI & FASILITI KESIHATAN KKM SEWAKTU PANDEMIK COVID-19

* TOR ini boleh diguna pakai dan disesuaikan mengikut fasiliti masing-masing.

- 1. Menjadi ahli pasukan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) di fasiliti kesihatan dalam pencegahan dan kawalan infeksi COVID-19 dalam kalangan anggota kesihatan**
 - a. Aktiviti Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (yang biasanya terdiri daripada pegawai perubatan dan paramedik).
 - b. Sebagai pegawai perantara (*liaison officer*) untuk *health surveillance* antara ketua jabatan dan petugas kesihatan yang telah terdedah.
 - c. Membentuk satu komunikasi strategik untuk menyebarkan maklumat kepada anggota kesihatan.
 - d. Memberikan khidmat nasihat dalam pengiliran kerja (*job rotation*) anggota kesihatan.
 - e. Saringan kepada anggota kesihatan sebelum memulakan tugas masing-masing.
- 2. Membantu dalam pencegahan *healthcare associated infection* dalam kalangan anggota kesihatan, termasuk anggota syarikat konsesi (pencucian, sajian, IT, keselamatan)**
 - a. Pemantauan harian kepada semua anggota kesihatan, termasuk anggota syarikat konsesi.
 - b. Pemantauan harian kepada anggota kesihatan yang terlibat dalam pengurusan kes PUI, COVID-19 dan lain-lain wad yang didapati kes positif COVID-19.
 - c. Anggota kesihatan mesti mendapat latihan secukupnya dalam penggunaan PPE (personal protective equipment) seperti tatacara memakai (*donning*) dan menanggalkan (*doffing*) PPE.
 - d. Penggunaan PPE yang bersesuaian ketika melakukan *aerosol generating procedure* (AGP) kepada pesakit.
 - e. Memastikan agar kesemua anggota kesihatan diberikan kelengkapan PPE yang bersesuaian (*fit test* perlu dilakukan sekiranya anggota kesihatan menggunakan N95).
 - f. Mewujudkan lokasi kuarantin khas bagi anggota kesihatan yang berkemungkinan terdedah (*high, medium and low risk exposure*) kepada pesakit COVID-19 yang positif.

- g. Pematuhan garispanduan dan protokol sedia ada seperti pemakaian PPE yang bersesuaian, *Universal Precaution* dan *Hand Hygiene*.
- h. Melakukan pemantauan pematuhan anggota kesihatan terhadap peraturan keselamatan sedia ada serta mengambil tindakan penambahbaikan yang bersesuaian. Ini boleh dilakukan melalui "walk through survey", safety audit dan lain-lain.

3. Membantu dalam menyelaras serta menguruskan pengendalian anggota kesihatan, termasuk anggota syarikat konsesi (pencuci, sajian, IT, keselamatan) yang positif COVID-19

- a. Penilaian risiko pendedahan (exposure risk assessment) dilakukan terhadap kesemua anggota kesihatan sebelum ujian swab diambil ke atas mereka.
- b. Penyiasatan kes positif COVID-19 dalam kalangan anggota kesihatan.
- c. Tindakan susulan (tracing of swab results dan MCs) ke atas anggota kesihatan tersebut sehingga mereka kembali bekerja (return to work).
- d. Pemantauan kuarantin anggota dan menghadkan tugas kepada anggota kesihatan yang berada dalam kategori *Person Under Investigation* (PUI).
- e. Bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dalam memberikan nama-nama anggota yang layak diberikan *release order* untuk kembali bekerja.
- f. Memastikan anggota kesihatan yang kembali bekerja mematuhi *return to work practice and work restriction* seperti protokol sedia ada.
- g. Mengemaskini data anggota kesihatan yang didiagnosa sebagai positif COVID-19 dan memastikan tiada keciciran data berlaku.
- h. Memastikan data anggota kesihatan yang positif COVID-19 disimpan di tempat yang selamat serta memastikan kerahsiaan (confidentiality).
- i. Membantu PKD di dalam melakukan *contact tracing* kepada anggota di hospital dan fasiliti kesihatan.
- j. Mengenalpasti isu kesihatan mental di kalangan anggota bertugas dan merujuk kepada pasukan Psychosocial Support (MHPSS) sekiranya perlu untuk tindakan seterusnya seperti *Psychological First Aid* (PFA) dan kaunseling.




Lampiran 2

Pengendalian Kes Severe Acute Respiratory Infection (SARI) / Pneumonia dan Influenza like Illness (ILI) (Edited version – 13 April 2020)

Program Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
13 April 2020

Anggota kesihatan perlu berhati-hati dalam mengendalikan pesakit SARI, Pneumonia dan ILI kerana berkemungkinan adalah pesakit COVID-19.

Anggota kesihatan perlu mengambil langkah pemakaian PPE & saringan COVID-19 mengikut kategori berikut :



Influenza like Illness (ILI)
(Untuk pesakit di Jabatan Kecemasan / klinik)

a. Pemakaian PPE bersesuaian oleh anggota kesihatan

Severe Acute Respiratory Infection (SARI) / Pneumonia

a. Membuat saringan COVID-19
b. Pemakaian PPE bersesuaian oleh anggota kesihatan

Perkara	Severe Acute Respiratory Infection (SARI) / Pneumonia	Influenza Like Illness (ILI)
Saringan COVID-19	Perlu	Tidak perlu (kecuali klinik kesihatan yang terlibat di dalam Surveilan ILI bagi pengesanan kes sporadik jangkitan COVID-19)
PPE bagi anggota kesihatan yang mengendalikan pesakit	<ul style="list-style-type: none"> • 3-ply Surgical mask (BUKAN N95 mask) • Long sleeved plastic apron (BUKAN Isolation gown) • Gloves • Face shield (<i>when anticipating patient's respiratory secretion</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> • N95 mask • Isolation Gown (<i>fluid-repellent long-sleeved gown</i>) with <i>plastic apron</i> • Gloves • Face shield • Head cover • Boot cover (<i>ONLY when anticipating spillage and vomiting</i>) <ul style="list-style-type: none"> * Boot cover is not always necessary
PPE anggota kesihatan yang menjalankan <i>Aerosol Generating Procedure (AGP)</i>	<p>1. Contoh AGP:</p> <p>Pesakit menggunakan $HFM O_2 >10L/min$, intubation, suctioning, nebulization, CPR dan pengambilan NP & OP swab</p> <p>2. Anggota Perubatan yang mengendalikan kes <i>Ventilated SARI</i> perlu memakai PPE lengkap seperti melakukan prosedur AGP</p>	3-ply surgical mask

STRATEGIES TO FACILITATE CONTINUITY OF HEALTH SERVICES DURING COVID-19 PANDEMIC

**(Based on Management of HCW During COVID-19
Pandemic, Version 5 & Updated Version)**

5th April 2020

**Medical Program
Ministry of Health**

**Safety and health of healthcare workers
should be maintained at all time**

Current Guideline:
Management of HCW During COVID-19 Pandemic, Version 5:

- provide guidance in dealing with issues pertaining to management of HCW
- Ensure HCW safety & continuity of services.

Mobilization of HCWs:

- between departments within the hospitals
- between hospitals
- between states.

Use new guideline updated from the: Management of HCW During COVID-19 Pandemic Version 5

Use updated guideline during **extreme circumstances**, when healthcare facility is anticipating interruption of services

Guideline Version 5

- HCW should be evaluated by OSW officer (appropriateness of earlier return to work than recommended).
- Should adhere to the Return to Work Practices & Work Restrictions recommendations.
- HCW should not deal with immunocompromised patients:
 - mobilise to non immunocompromised ward
 - Exchange with other HCWs

Updated Version

- Update from version 5

Additional criteria

- Asymptomatic HCWs are allowed to return to work while waiting for the test result.
- Ensure strict compliance to PPE with monitoring of symptoms until screening tests are negative and the 14-day incubation period has ended.
- Swab to be done fast and tagged as priority sample
- Use Rapid RT-PCR test, once approved & available